



KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE - MALAY - BAHASA MALAYSIA

CARTA DIMENSI DAN KAPASITI

Malaysia adalah antara negara yang paling menarik dan paling pesat membangun di Asia Tenggara, dengan penduduk berbilang kaum yang hidup penuh harmoni teradun mesra bersama budaya Melayu, Cina, India dan suku kaum etnik lain dalam melahirkan daya tarikannya yang tersendiri.

Pusat persidangan Kuala Lumpur Convention Centre terletak di tengah-tengah kawasan pembangunan Kuala Lumpur City Centre (KLCC) di ibu kota Kuala Lumpur, yang direka bentuk sebagai sebuah 'bandar dalam bandar'. Projek pembangunan KLCC seluas 40 hektar (100 ekar) ini menyediakan persekitaran yang menarik untuk tempat bekerja, kediaman, kedai, lawatan dan hiburan.

Pembangunannya dirancangkan di sekeliling Taman KLCC seluas 50 hektar yang direka bentuk oleh Roberto Burle Marx. Projek-projek pembangunan yang telah siap termasuk Menara Berkembar PETRONAS yang direka bentuk oleh arkitek Cesar Pelli, Masjid Asy-Syakirin, pusat beli-belah Suria KLCC, pusat penerokaan sains interaktif PETROSAINS, Galeri PETRONAS dan Dewan Filharmonik PETRONAS, pentas yang menempatkan Orkestra Filharmonik Malaysia dan juga Kuala Lumpur Convention Centre, pusat persidangan pelbagai acara yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan moden dan terkini. Bangunan-bangunan komersil, hotel dan pangsapuri perkhidmatan melengkapkan pembangunannya.

Sistem lalu lintas yang cekap serta pelbagai kemudahan pengangkutan awam menyenangkan laluan ke KLCC dan pergerakan dalam sekitar kawasan dengan lebih mudah dan selesa.

SEBARANG PERTANYAAN, SILA HUBUNGI

KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE
 Kuala Lumpur City Centre, 50088 Kuala Lumpur, Malaysia.
 Tel +60 3-2333 2888 Faks +60 3-2333 2800
www.klccconventioncentre.com

Dimiliki oleh Kuala Lumpur Convention Centre Sdn. Bhd. (No. Syarikat 211750-M) syarikat subsidiari milik penuh KLCC (Holdings) Berhad (No. Syarikat 178369-U).
 Diuruskan oleh Convex Malaysia Sdn. Bhd. (No. Syarikat 585759-H) syarikat subsidiari KLCC (Holdings) Berhad dengan usaha sama Ogden International Facilities Corporation Pty Ltd Australia.

ROOM	GROSS AREA m ²	THEATRE R ²	THEATRE COMBINED	BANQUET	BANQUET COMBINED	CLASSROOM	CLASSROOM COMBINED	COCKTAIL	COCKTAIL COMBINED	OVERALL ROOM DIMENSIONS W x L x H m	BOOTH CAPACITY 3m x 3m	
EXHIBITION HALLS GROUND LEVEL												
Exhibition Hall 1	2,502	26,922	2,500	4,830	2,000	3,850*	1,563	3,021	3,128	6,043	29.0 x 86.61 x 9.36	152
Exhibition Hall 2	2,332	25,092	2,330	1,850	1,850		1,458	2,915			29.0 x 80.44 x 9.36	136
Link Hall Hall 3	560	6,026										11 x 3 x 2m 8 x 3 x 3m
Exhibition Hall 4	2,071	22,284	2,070	4,315	1,650	3,440*	1,293	2,694	2,589	5,395	28.99 x 71.44 x 9.36	120
Exhibition Hall 5	2,245	24,156	2,245	1,790	1,790		1,401	2,806			29.0 x 77.44 x 9.36	136
Exhibition Halls 3+5	9,710	104,480										587
PLENARY HALL LEVEL 1												
Plenary Hall Auditorium			3,000									
LEVEL 3												
Grand Ballroom 1	1,207	12,987	1,200	2,380	1,000	2,000*	753	1,491	1,509	2,986	29.0 x 41.60 x 9.0	136
Grand Ballroom 2	1,182	12,718	1,180		1,000		738		1,478		29.0 x 41.20 x 9.0	134
Grand Ballroom 1&2	2,389	25,706	2,380		2,000*		1,491		2,986		29.0 x 82.80 x 9.0	270
Banquet Hall	738	7,941	740		500*		459		923		29.0 x 25.45 x 9.0	48
Conference Hall 1	505	5,434	500		400		315		631		27.81 x 17.57 x 9.0	32
Conference Hall 2	778	8,371	770	1,780	520	1,330*	486	1,122	973	2,250	27.81 x 26.90 x 9.0	48
Conference Hall 3	517	5,563	510		410		321		646		27.81 x 17.95 x 9.0	32
Conference Hall 2&3	1,800	19,368	1,780		1,330*		1,122		2,250		27.8 x 62.42 x 9.0	112
Plenary Theatre (auditorium)			500		500							382
MEETING ROOMS LEVEL 3												
301	173	1,861	173		130		108		216		16.83 x 10.86 x 2.85	
302	83	893	80	170	60	130	51		104		11.04 x 7.58 x 2.85	
303	89	958	90		70		54	105	111	215	11.04 x 8.17 x 2.85	
304	113	1,216	112		90	180	69		141		13.02 x 8.69 x 2.85	
305	112	1,205	112	224	90		69	138	140	281	13.02 x 8.60 x 2.85	
306	130	1,399	130		100		81		163		16.34 x 8.01 x 2.85	
307	55	592	55		40		33		69		11.21 x 5.04 x 2.85	
308	43	463	40	135	30	100	24	81	54	176	8.06 x 5.41 x 2.85	
309	43	463	40		30		24		54		8.06 x 5.39 x 2.85	
310	51	549	50		40		30		64		8.63 x 6.01 x 9.0	
MEETING ROOMS LEVEL 4												
401	82	882	80	170	60	130	51	105	103	214	11.04 x 7.58 x 3.50	
402	89	958	90		70		54		111		11.04 x 8.17 x 3.50	
403	114	1,227	114	214	90	170	69		143	265	11.47 x 8.79 x 3.50	
404	98	1,054	100		80		60		123		11.47 x 8.60 x 3.50	
405	118	1,270	120		90		72		148		14.80 x 8.01 x 3.50	
406	86	925	86	174	70	140	51	105	108	218	11.04 x 8.17 x 3.50	
407	88	947	88		70		54		110		11.04 x 7.58 x 3.50	
408	113	1,216	110	220	90	180	69	138	141	281	13.02 x 8.69 x 3.50	
409	112	1,205	110		90		69		140		13.02 x 8.60 x 3.50	
410	130	1,399	130		100		81		163		16.34 x 8.01 x 3.50	
ROOM	m ²	R ²	THEATRE COMBINED	BANQUET COMBINED	CLASSROOM COMBINED	COCKTAIL COMBINED	m OVERALL ROOM DIMENSIONS					

■ DIMENSI KELUASAN BILIK HANYA MERUPAKAN DIMENSI KELUASAN ASAS DEWAN DAN TIDAK BOLEH DISAMAKAN DENGAN KELUASAN LANTAI.
 * TANPA PENTAS.



Direka bentuk oleh Neuformation Architect Malaysia dan COX Group Architects and Planners dari Australia, Kuala Lumpur Convention Centre dibina khusus untuk pelbagai acara antarabangsa, serantau dan tempatan seperti konvensyen, pameran perdagangan dan umum, persembahan hiburan dan juga majlis persendirian serta majlis perkahwinan.

Pusat persidangan ini dilengkapi segala kemudahan dengan teknologi terkini seperti rangkaian data dan kabel berstruktur, LAN tanpa wayar, serta kemudahan telekomunikasi dan audiovisual digital yang membolehkan perwakilan mendapatkan maklumat dan berhubung dengan negara mereka secara terus. Kesemua ruang di pusat persidangan ini, sama ada untuk mesyuarat atau pameran, tidak bertiang tetapi mempunyai panel mudah alih kalis bunyi yang dapat mengubahsuai ruang mengikut keperluan.

Kemudahan teknologi tinggi yang disediakan bukan sahaja akan membawa era baru ke dalam industri perkhidmatan persidangan di Malaysia, tetapi juga disokong oleh kakitangan teknikal yang cekap dan terlatih untuk mengendalikan teknologi ini. Di samping itu, pasukan pakar masakan dan penyajian makanan mampu menyediakan pelbagai hidangan tempatan dan antarabangsa untuk majlis jamuan dan bankuet. Panorama indah Taman KLCC melengkapkan keunggulan pusat persidangan berprestij ini yang bakal menjadi peneraju industri.

Selain kemudahan mesyuarat dan pameran, AQUARIA KLCC yang terletak di aras Concourse menawarkan pengalaman pengembaraan bawah laut yang unik dan menarik. Zon penerokaannya akan menjadikan AQUARIA KLCC akuarium pertama di dunia dilengkapi teknologi multimedia yang menggabungkan unsur pendidikan dan hiburan.



MANDARIN ORIENTAL KUALA LUMPUR

Hotel bertaraf 5 bintang ini terletak di lokasi utama dalam kawasan persekitaran KLCC dan dihubungkan terus dengan lorong pejalan kaki ke Menara Berkembar PETRONAS serta pusat beli-belah Suria KLCC. Terdapat 643 bilik penginapan serta suite dengan keluasan antara 40m² bagi bilik deluxe dan 825m² bagi Park Suite. Hotel ini juga menyediakan 51 pangsapuri kediaman dan 7 tingkat Kelab Mandarin Oriental. Antara keistimewaan yang ditawarkan oleh hotel ini termasuk perkhidmatan pelayan peribadi, sarapan percuma, hidangan tengah hari serta koktel petang.

TRADERS HOTEL KUALA LUMPUR

Hotel yang menyediakan 571 bilik penginapan serta suite ini terletak di sayap timur Kuala Lumpur Convention Centre dan akan mula beroperasi pada bulan April 2006. Ia akan disepadukan sepenuhnya dengan pusat persidangan ini dan diuruskan oleh Kumpulan Hotel Shangri-La.

IMPIANA@KLCC, KUALA LUMPUR

Hotel Impiana akan dibuka pada pertengahan tahun 2005 dan terletak di hadapan Kuala Lumpur Convention Centre. Ia menawarkan 335 buah bilik penginapan serta suite dengan keluasan lantai antara 30m² dan 36m². Pusat Perniagaan hotel ini menyediakan pelbagai kemudahan dan kakitangan yang terlatih untuk mengendalikan urusan kesetiausahaan serta perkhidmatan sokongan perniagaan.



MANDARIN ORIENTAL KUALA LUMPUR TRADERS HOTEL KUALA LUMPUR IMPIANA@KLCC, KUALA LUMPUR



PLENARY HALL
 PLENARY THEATRE
 EXHIBITION HALLS
 CONFERENCE HALL
 GRAND BALLROOM
 BANQUET HALL
 PARKING & TRANSPORT
 TEMPAT LETAK KENDERAAN DAN PENGANGKUTAN
 DEWAN PLENO
 DEWAN TEATER
 DEWAN PAMERAN
 DEWAN PERSIDANGAN
 DEWAN JAMUAN
 DEWAN BANKUET

Dewan Pleno merupakan dewan utama yang direka bentuk khusus untuk majlis penyampaian ucap-tama, perasmian persidangan dan persembahan konsert. Dewan ini menyediakan 3,000 tempat duduk bertingkat yang dilengkapi sistem pengundian digital, kemudahan penterjemahan serentak, pentas tetap dan menara tirai, bilik VIP serta bilik persalinan.

Dewan Teater yang direka bentuk dengan gaya auditorium ini menyediakan 500 tempat duduk bertingkat untuk majlis yang lebih kecil dan dilengkapi kemudahan yang sama seperti Dewan Pleno.

Dewan Pameran seluas 9,710 meter persegi ini dibina tanpa tiang untuk menyediakan ruang lantai yang berterusan tanpa sekat. Siling setinggi 9.3 meter dari paras lantai, ruang masuk terus untuk kenderaan, serta kemudahan bawah lantai (20kN/m²) menjadikan dewan ini sesuai untuk semua jenis pameran dan ekspo. Dewan pameran ini juga mempunyai grid siling mudah alih yang boleh diubahsuai untuk acara seperti majlis bankuet dan lain-lain.

Dewan Persidangan merangkumi tiga ruang luas yang boleh digabungkan untuk membentuk dewan besar bagi memuatkan seramai 1,800 orang wakil dalam susunan tempat duduk teater. Kesemua dewan persidangan dilengkapi projektor, peralatan audiovisual dan sistem lampu pentas yang terkini. Sistem kabel dan pendawaian bawah lantai serta kemudahan lif pengangkutan membolehkan kenderaan dibawa terus ke dewan ini.

Siling yang tinggi menjadikan dewan ini tersergam indah. Ia mampu menampung hingga seramai 2,000 tetamu bagi majlis bankuet dan dilengkapi kemudahan teknikal seperti yang terdapat di dewan persidangan.

Dewan Bankuet direka bentuk dengan gaya anggun bagi memuatkan seramai 740 orang untuk majlis bankuet dan turut dilengkapi kemudahan teknologi terkini untuk keperluan mesyuarat atau persidangan.

Terdapat juga 20 bilik mesyuarat yang lebih kecil yang terletak di keliling dewan-dewan utama. Antara kemudahan lain yang disediakan di pusat persidangan ini termasuk bilik Suite untuk Orang Kenamaan, Bilik Lembaga Pengarah, bilik penyuntingan dan penerbitan audiovisual, Pusat Perniagaan, Concierge, Pejabat Penganjur serta pelbagai ruang yang diperlukan untuk memastikan segala acara dan majlis berjalan dengan lancar.

Terdapat 700 ruang letak kenderaan dan restoran termasuk sebuah kedai kopi, agensi pelancongan dan pengurug wang yang terletak searas dengan Concourse pusat beli-belah Suria KLCC. Lorong pejalan kaki menghubungkannya terus ke stesen LRT Putra KLCC.